

bah

MALAYSIA CONTOH PEMBANGUNAN TERBAIK BAGI DUNIA KETIGA, KATA DE CUELLAR
I

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Pembangunan pesat yang dialami oleh Malaysia boleh dijadikan contoh terbaik bagi Dunia Ketiga, kata bekas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Javier Perez de Cuellar hari ini.

Beliau memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana membawa pembangunan pesat kepada negara ini.

Apa yang telah dicapai oleh negara ini boleh dicontohi dan dilaksanakan oleh negara Dunia Ketiga yang lain, kata de Cuellar selepas mengunjungi Dr Mahathir di pejabatnya di sini.

Ketika bercakap kepada Bernama, de Cuellar berkata beliau juga kagum dengan usaha negara-negara membangun dalam mempertahankan pendirian mereka mengenai isu-isu alam sekitar.

De Cuellar tiba di sini semalam untuk lawatan tiga hari ke Malaysia sebagai jemputan Citibank.

Sebelum itu, beliau telah berucap kepada 200 peserta tempatan dan asing, termasuk duta-duta yang berkhidmat di Malaysia, mengenai Keselamatan Dunia dalam Orde Baru Dunia.

Majlis itu dianjurkan oleh bank berkenaan. -- Bernama.